

**BAB 3**

**KONSEP PEMBAHAGIAN**

**TANAH PUSAKA**

## KONSEP PEMBAHAGIAN TANAH PUSAKA

### 3.1 PENDAHULUAN

Undang-undang tanah yang utama di Semenanjung Malaysia ialah Kanun Tanah Negara yang mula berkuatkuasa pada 1.1. 1966. Kanun Tanah Negara telah digubal berdasarkan Federated Malayan State Land Code 1926 iaitu undang-undang yang dipakai untuk Negeri Sembilan, Pahang, Selangor dan Perak. Negeri Pulau Pinang dan Melaka mempunyai sistem khusus yang terdapat di negeri-negeri Selat sebelum perang dunia kedua. Untuk menghapuskan sistem di Pulau Pinang dan Melaka, Akta Kanun Tanah Negara telah digubal pada tahun 1963 (Hakmilik-hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) dan dikuatkuasakan pada 1.1. 1966. Dengan adanya kedua-dua sistem ini maka kesebelas buah negeri di Semenanjung Malaysia mempunyai sistem yang sama yang dikenali sebagai Sistem Torrens.

Sistem Torrens ini menetapkan dan memperakui, di bawah kuasa kerajaan, kepunyaan hakmilik tanah yang tidak boleh disangkal dan memudahkan, mempercepatkan dan merendahkan segala perbelanjaan urusan tanah. Tujuan-tujuan sistem Torrens ialah untuk memberi jaminan dan kesenangan kepada urusan tanah. Hakmilik adalah bukti muktamad bahawa orang yang disebut di dalamnya adalah tuanpunya tanah.<sup>19</sup> Selain itu, sistem ini juga menetapkan sempadan-sempadan melalui pengukuran tanah yang tepat dan tidak boleh disangkal dari segala segi. Daftar hakmilik itu mengandungi segala maklumat jualan dan urusan.

<sup>19</sup> Jab. Tanah dan Galian Persekutuan, Buku Panduan Pentadbiran Tanah, 1980, m.s. 3.

Dengan adanya sistem ini, keseragaman undang-undang dan dasar membuat satu undang-undang mengenai pegangan tanah, pendaftaran hakmilik mengenai tanah, pindahmilik tanah, pajakan, ragaran mengenai tanah, hak-hak dan kepentingan mengenai tanah dapat dipastikan. Walaupun ia merupakan undang-undang tanah utama di Malaysia, undang-undang ini tidak boleh menyentuh apa-apa urusan masa lampau, atau apa-apa perkara yang dibuat mengenai tanah di bawah mana-mana undang-undang tanah dan peruntukan-peruntukan undang-undang lain yang diluluskan sebelum kuatkuasanya undang-undang ini. Tertakluk kepada syarat-syarat bahawa apa-apa hak, kebebasan, keistimewaan, kewajipan atau tanggungan yang wujud pada permulaan Kanun Tanah Negara hendaklah diamalkan.<sup>20</sup>

Kanun Tanah Negara juga tidak boleh menyentuh beberapa peruntukan undang-undang yang sedang berkuatkuasa pada masa itu, sama ada yang berhubung dengan adat, rizab Melayu atau pemegang Melayu, perlombongan, tanah kesultanan, wakaf atau Baitulmal, Enakmen Petempatan Terengganu 1356 H, Ordinan Penempatan Tanah Kelantan 1955, Akta Tanah (kawasan penempatan berkelompok) 1960 dan mana-mana undang-undang yang mengecualikan dari membayar hasil tanah.<sup>21</sup> Dengan ini hal-hal yang berkaitan dengan harta Tanah pusaka dan urusan pembahagiannya bagi orang-orang Islam Islam mengikut Undang-undang Syariah atau hukum Faraid.

<sup>20</sup> Mohd. Ridzuan Awang, Konsep Undang-undang Tanah Islam, Al-Rahmaniah, K.L., 1987, m.s. 85.

<sup>21</sup> Ibid m.s. 85.

Mengikut M.B Hooker, undang-undang di Tanah Melayu terdapat 3 bahagian undang-undang yang bercampur-aduk antara satu sama lain iaitu:

- i. satu asas sistem pemegang tanah (land tenure) iaitu undang-undang adat.
- ii. Undang-undang Islam yang merangkumi hubungan kekeluargaan di dalam Islam.
- iii. Sistem kehakiman, perundangan dan pemerintahan yang berdasarkan kepada undang-undang Inggeris.

Untuk kajian tanah pusaka, undang-undang yang menjadi rujukan ialah undang-undang Islam. Undang-undang Islam yang diamalkan di Malaysia merupakan undang-undang yang bercampur aduk dengan undang-undang Adat Melayu terutamanya dalam hal-hal harta pusaka.<sup>22</sup>

Di Malaysia, pentadbiran harta pusaka dan pembahagiannya adalah termasuk dalam senarai dan tugas negeri kecuali bagi orang yang bukan beragama Islam maka pentadbiran harta itu termasuk dalam senarai persekutuan. Sekiranya terdapat masalah di dalam harta pusaka orang Islam maka dibenarkan masalah tersebut diselesaikan di mahkamah sivil. Dengan itu banyak prinsip-prinsip undang sivil dikenakan ke atas orang-orang Islam.

Pentadbiran dan pembahagian harta pusaka sekarang dikendalikan oleh Mahkamah Sivil. Undang-undang yang dimaksudkan ialah Akta Harta Pusaka Kecil (pembahagian) 1955. Semenjak

---

<sup>22</sup>ibid m.s. 109.

pentadbiran harta pusaka dikendalikan oleh Mahkamah Sivil melalui kedua-dua akta, maka bidang kuasanya merangkumi semua harta tanpa mengira agama dan bangsa. Namun pemakaian undang-undang ke atas orang-orang Islam adalah tertakluk kepada hukum faraid Islam. Dalam hal ini kadi atau mahkamah syariah dikehendaki menentukan pembahagian pusaka orang Islam. Lain-lain tuntutan atau guaman ke atas harta pusaka seperti hutang piutang dan sebagainya hendaklah dikemukakan di mahkamah sivil.<sup>23</sup> Mengikut kedua-dua jenis Akta ini, pentadbiran dan pengurusan harta pusaka terbahagi kepada tiga jenis iaitu:

i. Pentadbiran Harta Pusaka

Harta pusaka biasa ialah harta pusaka yang jumlah nilai lebih daripada \$300,000 sama ada iaanya terdiri daripada harta alih semuanya atau harta tak alih semuanya atau harta campuran di antara harta alih dan tak alih. Harta pusaka biasa ini ditadbirkan mengikut Akta Kuasa Wasiat dan Pentadbiran Harta Pusaka 1959.

ii. Pentadbiran Harta pusaka ringkas

Harta pusaka ringkas ialah harta pusaka yang terdiri daripada harta alih sahaja dan jumlah tidak lebih daripada \$50,000 ringgit. Nilai ini akan dinaikkan tidak lama lagi sehingga menjadi \$300,000 dan boleh jadi akan merangkumi harta tak alih.

iii. Pentadbiran Harta Pusaka Kecil

Harta pusaka kecil ialah harta pusaka yang jumlah

<sup>23</sup>ibid m.s. 23.

nilainya tidak lebih daripada \$300,000 ringgit yang terdiri daripada harta tak alih semuanya atau campuran harta tak alih (tanah) dan harta alih bersama seperti wang-wang simpanan di bank-bank, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan sebagainya.

Pembahagian Harta Pusaka Kecil adalah mengikut Akta (Pembahagian) Pusaka Kecil 1955. Akta ini diwujudkan bertujuan untuk memberi kemudahan dan mempercepatkan pengendalian dan pengurusan tuntutan pusaka kecil bagi orang-orang yang mempunyai harta yang nilainya kurang daripada \$300,000.

Pihak yang menuntut Harta Pusaka Kecil hendaklah membuktikan bahawa kematian orang yang ampunya pusaka melalui salah satu daripada bukti berikut; iaitu surat mati atau permit pengkebumian, surat sumpah yang dibuat oleh dua orang saksi yang benar-benar menyaksikan jenazah dikebumikan atau perintah anggapan kematian yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi. Dalam membahagikan harta pusaka kecil maka pegawai pembahagian pusaka hendaklah menentukan undang-undang yang dipakai terhadap penurunan pusaka seseorang si mati dan memutuskan bahagian dan hak ahli waris masing-masing. Di antara undang-undangnya ialah:

Pertama: Undang-undang Syarak (hukum Faraid) bagi orang yang beragama Islam.

Kedua : Undang-undang Pentadbiran Agama Islam bagi tiap-tiap negeri.

Ketiga : Enakmen pegangan Tanah Adat yang menentukan pembahagian tanah adat di Negeri Sembilan.

Keempat: Peruntukan seksyen 34, jadual ketiga dalam akta Pembahagian Pusaka Kecil 1955 yang dipakai bagi Pulau Pinang dan Melaka.

Kelima : Akta tanah (kawasan penempatan berkelompok) 1860, yang menghadkan penurunan pemilik kepada seorang waris sahaja. Jika berlaku perselisihan faham antara ahli waris maka tanah itu hendaklah dijual dan hasilnya dibahagikan mengikut syarak.

Keenam : Enakmen Rizab Melayu yang memperuntukan bahawa penurunan milik hanya kepada orang Melayu sahaja, sedangkan menurut hukum syarak suami atau isteri yang bukan Melayu tetapi beragama islam adalah dianggap sebagai ahli waris yang sah

Ketujuh: Ordinan Pembahagian Pusaka (Distribution Ordinance No 1/58) yang menentukan pembahagian pusaka bagi orang-orang bukan Islam<sup>24</sup>

### 3.2 PEMBAHAGIAN MENGIKUT ISLAM

Hukum pusaka di dalam Islam disebut dengan istilah 'Fiqh Faraid'. Ilmu faraid adalah ilmu pembahagian pusaka dan ilmu yang menerangkan ketentuan-ketentuan pusaka yang menjadi pendapatan ahli waris atau satu disiplin ilmu yang berkaitan dengan harta pusaka dan menentukan habuan yang betul dalam

<sup>24</sup> ibid m.s.

pembahagian sesuatu harta pusaka, dengan memberi perhatian kepada hubungan antara habuan-habuan seseorang sebagai asas dalam pembahagian. Ilmu al-Faraid telah menjadi satu disiplin ilmu yang berfaedah (mulia) dan ia merupakan gabungan di antara pengetahuan intelektual, tradisional dan angka-angka.<sup>25</sup>

Hukum ini telah digunakan dalam merujuk kes-kes pembahagian harta pusaka orang-orang Islam. Harta pusaka merupakan harta peninggalan kepada orang yang berhak menerimanya. Mengikut undang-undang Inggeris harta itu dibahagikan kepada dua jenis iaitu harta alih iaitu harta yang boleh dialih-alihkan dari satu tempat kesatu tempat seperti kenderaan, barang kemas dan sebagainya dan jenis kedua terdiri daripada harta tidak alih iaitu harta tanah dan sesuatu yang melekat pada tanah atau benda mati. Biasanya ini merujuk kepada tanah, bangunan, rumah dan benda-benda lekat mati.

Harta atau 'mal' di dalam undang-undang Islam adalah sesuatu benda yang boleh dikuasai dan dimiliki oleh manusia, yang terdiri daripada binatang, harta tak alih, tumbuhan atau wang.

Tafsiran harta di dalam Islam juga terbahagi kepada dua iaitu harta alih (mangul) iaitu sejenis harta yang boleh dipindahkan dari satu tempat ke satu tempat lain dan harta itu boleh dihapuskan. Harta alih boleh berkurangan dengan sebab perbuatan pengguna dan ia tidak boleh digunakan sepanjang masa. Satu lagi jenis harta ialah harta tak alih (ghairul-manqul) atau harta tetap (Aqar) iaitu setiap benda yang tidak boleh dipindah-

---

<sup>25</sup> ibid m.s. 153

pindah dan dialih-alihkannya dari satu tempat ke tempat lain seperti tanah dan bangunan.<sup>26</sup>

Tumpuan kajian diberi kepada harta pusaka tak alih iaitu yang berbentuk tanah. Dalam Islam, apabila seseorang meninggal dunia maka segala harta pusaka yang dimilik ketika hayatnya mestilah dibahagi kepada waris yang berhak. Harta benda itu wajib dibahagikan mengikut hukum syarak atau juga kenenali sebagai Faraid. Perkara ini jelas di dalam Al-Quran surah An-Nisa ayat 7 yang bermaksud:

"untuk laki-laki ada bahagian dari peninggalan ibu bapa dan keluarga yang terdekat dan untuk perempuan ada bahagian daripada yang ditinggal oleh ibubapa dan keluarganya yang terdekat daripada (peninggalan) yang sedikit atau banyak, sebagai bahagian yang telah ditetapkan".

Dalam Islam telah diterangkan kewajipan pembahagian pusaka. Pembahagian itu hendaklah adil dan orang-orang Islam tidak boleh mengingkari perpindahan perpindahan harta pusaka kepada ahli waris yang berhak menerimanya. Orang yang melanggar perintah ini bererti telah mengingkari perintah Tuhan.

Dengan lain perkataan bahawa konsep pembahagian tanah pusaka dalam sudut pandangan Islam merupakan suatu perkara yang tidak boleh dipandang ringan. Ia merupakan satu tuntutan ke atas

<sup>26</sup> ibid m.s. 101

muslimin. Islam tidak beranggapan bahawa hak milik itu semata-mata kepunyaan seorang individu sahaja. Dengan demikian Islam memberi kesempatan supaya satu-satu hak itu dapat berpindah dari satu keluarga kepada keluarga yang lain. Maka Islam merupakan satu-satunya sistem yang mempunyai cara peninggalan harta pusaka secara rela dan berdasarkan pilihan.

### 3.4 SYARAT-SYARAT DAN KAEADAH PEMBAHAGIAN

Islam merupakan satu ideologi yang lengkap dan universal dalam setiap hukum yang dikeluarkan, ia mempunyai syarat dan peraturan yang tersendiri. Begitu juga dengan pembahagian ke atas harta pusaka. Ia meliputi beberapa syarat iaitu syarat ke atas orang yang memberi hartanya, orang yang menerima harta tersebut, orang yang tidak layak menerima serta kaedah pembahagian yang seharusnya diikuti. Peraturan-peraturan ini telah ditetapkan di dalam Al-Quran sepertimana yang bermaksud:

" Allah mewasiatkan kepada mu tentang (bahagian) anak-anakmu untuk seorang lelaki seumpama bahagian dua orang perempuan. Kalau anak-anak itu perempuan sahaja lebih daripada dua orang untuk merka dua pertiga daripada peninggalan: dan kalau perempuan itu soerang sahaja, maka maksudnya seperdua. Untuk dua orang ibu bapa, untuk masing-masingnya satu perenam dari peninggalan, jika ia (mayat) mempunyai anak. Kalau mayat tidak mempunyai

dan yang mempusakainya hanya ibu bapa sahaja, maka untuk ibunya septiga, tetapi jika mayat mempunyai beberapa orang saudara maka untuk ibunya sepernam sesudah dikeluarkan wasiat yang diwasiatkan atau hutnagnya. Bapa-bapamu dan anak-anakmu tiadalah kamu ketahui siapakah diantara mereka yang terlebih dekat menfaatnya kepadamu. (Inilah) suatu (ketetapan) dari Allah Sesungghunya Allah maha mengetahui lagi bijaksana.

Surah An-Nisa' ayat 11

Pembahagian seterusnya ialah untuk suami dan bapa:

Untuk mu seperdua dari peninggalan isterimu, jika ia tiada beranak, tetapi jika ia beranak, maka untuk mu seperempat daripada peninggalannya, sesudah dikeluarkan wasiat yang diwasiatkan atau hutang. (kalau kamu meninggal) untuk mereka (isterimu) seperempat dari peninggalanmu, jika kamu tiada mempunyai anak, kalau kamu mempunyai anak, maka untuk mereka seperlapan dari peninggalanmu sesudah dikeluarkan wasiat yang kamu wasiatkan dan hutng-hutang kamu. Kalau lelaki dan perempuan itu orang punah (tiada beranak, tiada berbapa) dan baginya ada seorang saudara (seibu) lelaki atau perempuan, maka untuk masing-masing seperenam. Kalau mereka (saudara seibu) lebih dari seorang maka

mereka berserikat pads sepertiga, sesudah dikeluar wasiat yang diwasiatkannya atau hutang-hutangnya, tanpa memberi mlarat (kepada ahli warisnya) sebagai wasiat (perintah) daripada Allah. Dan Allah lagi maha mengetahui lagi maha penyantun.

Surah An-Nisa' Ayat 12.

Dalam ayat-ayat ini Allah telah menerangkan dengan jelas bagaimana seharusnya pembahagian itu patut dijalankan. Jelas di sini bahawa pembahagian itu tidak sahaja di kalangan ahli keluarga yang dekat tetapi juga kepada mereka yang mempunyai pertalian kekeluargaan. Malah di dalam Islam ia memberatkan kepada saudara-saudaranya yang hidup mlarat. Islam tidak beranggapan bahawa hak milik khusus itu semata-mata kepunyaan seorang individu.

Daripada keterangan-keterangan di atas, pembahagian harta pusaka dapat dirumuskan seperti jadual di bawah.

### 3.5 JENIS-JENIS AHLI WARIS

Ahli waris dari golongan lelaki ada 10 iaitu:

1. Anak lelaki
2. Cucu lelaki dari anak lelaki dan terus ke bawah
3. Bapa
4. Kanak-kanak lelaki dan terus ke bawah
5. Saudara lelaki
6. Anak lelaki dari saudara lelaki (walaupun jauh seperti cucu saudara lelaki)

7. Bapa saudara (seibu sebapa atau sebapa sahaja)
8. Anak bapa saudara (seperti no. 7 walaupun jauh)
9. Suami
10. Tuan (hamba abdi) yang memerdekakan

Ahli Waris dari golongan wanita ada 7:

1. Anak perempuan
2. Cucu perempuan dari anak lelaki
3. Ibu
4. Nenek
5. Saudara perempuan
6. Isteri
7. Tuan (hamba abdi) perempuan yang dimerdekakan.

Orang yang tetap hak warisnya walau dengan apa dalih, ada 5 iaitu:

1. Suami .
2. Isteri
3. Ibu
4. Anak kandung

### 3.6 BAHAGIAN-BAHAGIAN YANG TELAH DITETAPKAN:

Pembahagian-pembahagian harta pusaka telah pun ditetapkan dalam Al-Quran iaitu ada enam macam:

1. Setengah 1/2
2. Seperempat 1/4
3. Seperlapan 1/8
4. Duapertiga 2/3

5. Sepertiga 1/3

6. Seperenam 1/6

1. Orang yang mendapat setengah bahagian.

1. Anak perempuan
2. Cucu perempuan dari anak lelaki
3. Saudara perempuan sepupu
4. Saudara perempuan bapa
5. Suami jika si mati tidak mempunyai anak

Seperempat diperuntukan kepada dua orang.

1. Suami yang mempunyai anak atau cucu dari anak lelaki
2. Isteri jika suami tidak mempunyai anak atau anak dari anak lelaki (cucu)

Duapertiga (2/3) diperuntukkan kepada empat orang iaitu:

1. Dua orang anak perempuan
2. Dua cucu perempuan dari anak lelaki
3. Dua saudara perempuan sepupu
4. Dua saudara perempuan sebapa

Sepertiga (1/3) diperuntukkan kepada dua orang iaitu:

1. Ibu jika tidak dihijab
2. Dua orang atau lebih dari saudara laki-laki dan saudara perempuan seibus

Seperenam (1/6) diperuntukan kepada tujuh orang

1. Ibu jika si mati mempunyai anak atau cucu dari anak lelaki atau dua orang atau lebih saudara lelaki atau perempuan.

2. Nenek jika tiada ibu.
3. Cucu perempuan dari anak lelaki, jika si mati mempunyai seorang anak perempuan. (Jika anak perempuannya dua atau lebih maka cucu tersebut tidak mendapat warisan).
4. Saudara perempuan sebapa jika si mati mempunyai saudara perempuan seibu dan sebapa sahaja.
5. Bapa jika si mati mempunyai anak atau cucu dari anak lelaki.
6. Datuk jika si mati adalah bapa.

7. Seorang saudara dari anak ibu (saudara seibu)

Menurut pembahagian dalam Islam, ibu dan bapa mendapat  $\frac{1}{6}$  jika si mati mempunyak anak. Jika tidak beranak ibunya mendapat  $\frac{1}{3}$ . Jika si mati meninggalkan beberapa orang saudara, maka ibunya mendapat  $\frac{1}{6}$ . Suami pula mendapat  $\frac{1}{2}$  daripada peninggalan isterinya jika isterinya itu tidak mempunyai anak. Jika mempunyai anak, suaminya mendapat  $\frac{1}{4}$  bahagian. Isteri pula mendapat  $\frac{1}{4}$  bahagian daripada peninggalan suaminya jika suaminya tidak mempunyai anak. Jika mempunyai anak isteri akan mendapat  $\frac{1}{8}$  bahagian. Jika si mati mempunyai anak saudara perempuan (seibu sebapa atau sebapa sahaja) maka mereka mendapat  $\frac{1}{2}$  bahagian daripada peninggalan harta. Tetapi sekiranya saudara perempuan itu dua orang atau lebih mereka mendapat  $\frac{2}{3}$  bahagian daripada peninggalan. Kalau berhimpun saudara perempuan dan saudara lelaki, maka yang lelaki mendapat dua kali ganda daripada saudara perempuan.

JADUAL 3.1 : SYARAT BAHAGIAN YANG DIPEROLEHI WARIS

WARIS		SYARAT
IBU	1/6	Ketika ada anak L/P
	1/3	Ketika tanpa anak
BAPA	1/6	Ketika ada anak L/P
	2/3	Ketika tanpa anak
SUAMI	1/4	Ketika ada anak
	1/2	Ketika tanpa waris lain
ISTERI	1/8	Ketika ada anak
	1/4	Ketika tanpa anak
ANAK LELAKI	2	Ketika bergaul anak L/P
	PENUH	Ketika berseorangan
ANAK PEREMPUAN	1	Ketika bergaul anak L/P
	1/2	Ketika berseorangan tanpa waris
	2/3	Ketika anak perempuan lebih satu
BAITULMAL		Ketika tiada waris yang berhak

Sumber : Seksyen Pembahagian Pesaka, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

### 3.7 PENGHALANG WARISAN (HIJAB)

Walaupun dalam Islam pembahagian pusaka merangkumi saudara jaripda pelbagai peringkat, namun dalam Islam ada 'hijab' yang menghalang seseorang itu daripada menerima bahagian. Misalnya jenek tidak menerima bahagian harta pusaka sekiranya si mati mempunyai ibu. Begitu juga dengan datuk, datuk tidak menerima bahagian sekiranya bapa masih hidup.

Anak anak ibu (saudara seibu) tidak dapat pusaka sekiranya si mati mempunyai:

1. Anak
2. Cucu dari anak lelaki
3. Bapa
4. Datuk


Saudara supupu tidak mendapat pusaka sekiranya si mati meninggalkan:

1. Anak lelaki
2. Cucu lelaki dari anak lelaki
3. Bapa

Anak bapa (saudara sebapa) tidak mendapat pusaka jika si mati mempunyai ke tiga orang tertentu dan juga saudara laki-laki sepupu.

Konsep pembahagian di dalam Islam ini mempengaruhi kampung Layar Ujung dalam melaksanakan pembahagian tanah pusaka mereka. Konsep ini juga menjelaskan bagaimana suatu pembahagian itu boleh menyebabkan ramai pewarisnya termasuk cucu dan anak saudara atau menantu. Konsep ini penting melihat pertambahan pemilikan dalam sesuatu lot tanah.

**RAJAH RINGKAS HUBUNGAN PEMBAHAGIAN  
PESAKA UNTUK ORANG-ORANG ISLAM**



**WARIS-WARIS LELAKI YANG  
BERTALIAN KE ATAS DAN  
KE BAWAH**

**WARIS-WARIS PEREMPUAN  
YANG BERTALIAN KE ATAS  
DAN KE BAWAH**

**PETUNJUK:**

— Waris-waris yang mendapat Fardhu (Terdekat)

---- Waris-waris yang terlindung ketika wujudnya waris-waris Fardhu (Waris-waris yang jauh)

**KONSEP PUSAKA - WARIS-WARIS DEKAT MENGENEPIKAN WARIS-WARIS  
YANG JAUH**

Sumber : Seksyen Pembahagian Pesaka, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

### 3.8 PEMBAHAGIAN MENGIKUT ADAT

Di Malaysia, undang-undang adat yang berhubung dengan harta dapat dibahagikan kepada dua iaitu undang-undang adat pepatih (termasuk adat naning) dan undang-undang adat Temenggung. Di Semenanjung Malaysia adat pepatih berlaku di Negeri Sembilan dan beberapa daerah di Melaka, manakala adat Temenggung berlaku di negeri-negeri Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Johor, Trengganu dan Kelantan.

E. N. Taylor berpendapat bahawa perbezaan yang besar di antara Negeri Sembilan yang mengamalkan adat Pepatih dengan negeri-negeri lain yang mengamalkan adat Temenggung, di mana Negeri Sembilan masih mengekal organisasi politik kesukuan dan batasan kesukuan berhubung dengan pelupusan dan pemberian milik tanah. Negeri-negeri lain tidak mengamalkan organisasi kesukuan tetapi masih mengekalkan undang-undang warisan tanah.

Dalam masalah pewarisan dan pembahagian harta, hukum Adat Pepatih tidak dipengaruhi oleh hukum syarak terutamanya mengenai tanah tetapi mengikut adat Temenggung, perwarisan harta sebenar atau harta tanah tertakluk kepada prinsip undang-undang syarak tetapi jualan tanah di antara dua pihak yang masih hidup tidak diatur kecuali melalui Kanun Tanah Negra 1965. Mengikut Mohd. Din Bin Ali, prinsip perbezaan di antara kedua-dua jenis adat ini ialah :

" Dari dua sistem adat: Adat Pepatih adalah mempunyai ciri-ciri tertentu dan ketat (rigid). Adat Temenggung yang mempunyai bentuk patrilineal, adalah mempunyai kaitan dengan sistem sosio-politik Islam dengan

kemasukan Agama Islam di Malaysia pada kira-kira abad ke 14. Dengan itu, berhubung dengan tanah pusaka yang tidak dipusakai melainkan melalui anak perempuan selaras dengan adat pepatih, adalah dianggap dipusakai melalui adat Temenggung, di mana undang-undang pusakanya Undang-Undang Pusaka Islam (Faraid) yang sebenar.<sup>27</sup>

Pembahagian mengikut adat tidaklah terlalu rigid seperti undang-undang Islam. Di dalam adat Temenggung, misalnya pembahagian boleh dilakukan secara sama rata atau lelaki boleh mendapat bahagian yang lebih daripada perempuan. Tidak seperti adat pepatih di mana perwarisan harta di kalangan anak lelaki sukar untuk dilakukan. Malah sekiranya mengikut adat tradisional pepatih, anak lelaki tidak boleh mewarisi harta pusaka.

Perlu diberi perhatian bahawa adat adalah suatu aspek budaya yang mempunyai ciri-ciri dinamis dan boleh diasimilasikan dengan keadaan semasa. Inilah yang dimaksudkan oleh M.B. Hooker bahawa undang-undang di Tanah Melayu adalah bercampur aduk antara satu sama lain iaitu antara undang-undang sivil, adat dan perundangan yang berasaskan kepada undang-undang Inggeris. Di dalam pembahagian tanah pusaka, adat Temenggung telah diasimilasikan oleh undang-undang Islam. Tambahan pula pembahagian tanah pusaka sekarang adalah melalui beberapa prosedur seperti mahkamah syariah untuk urusan pembahagian maka pengaruh Islam dapat diserapkan dengan lebih licin.

<sup>27</sup> Mohd Ridzuan Awang, ibid m.s. 121